

BERITA AM

## Empangan Mengkuang dijangka berkapasiti penuh tahun 2020

Tarikh kemaskini: 08/09/2018



BUKIT MERTA JAM, 8 Sept (Bernama) – Empangan Mengkuang yang menjalani proses pembesaran dijangka beroperasi dengan kapasiti maximum menjelang 2020, selepas semua kerja-kerja memastikan keselamatan dan fungsi empangan itu siap sepenuhnya.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata empangan tersebut telah diperbesarkan bagi menampung sehingga 73.5 billion liter air daripada kapasiti 22 billion liter air sebelum ini.

Bagaimanapun, Chow berkata integriti struktur empangan itu masih belum dapat dipastikan sepenuhnya sehingga ia dipenuhi pada tahap maksimum 55 meter dan semua kerja-kerja pembaikan selesai.

"Semua kerja termasuk pembersihan cerun, penyelenggaraan dan pembaikan lain kini berada di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang dijangka selesai dalam tempoh dua tahun," katanya kepada pemberita ketika lawatan kerja rasmi ke empangan itu yang disertai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Datuk Jaseni Maidinsa di sini hari ini.

Chow berkata, kementerian tersebut kini sedang menjalankan kerja-kerja menaik taraf stesen Pam Mak Sulong, memasang paip keluli berdiameter 1.6 meter sepanjang 6.85 kilometer dari stesen Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua dan kerja-kerja membaiki 23 cerun tanah yang runtuh di empangan tersebut.

Chow menjelaskan bahawa kerja menaik taraf stesen Pam Mak Sulong tersebut bagi meningkatkan kapasiti mengepam air mentah dari Sungai Kulim ke Empangan Mengkuang sementara tender untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan cerun di empangan tersebut sedang dibuat Kementerian terbabit.

"Kami memerlukan stesen Pam Mak Sulong untuk membantu memenuhi? empangan semasa musim hujan dan kami memerlukan saluran paip baru sepanjang 6.85km untuk membekalkan air mentah dari empangan ke loji rawatan air Sungai Dua semasa musim kering," katanya.

Chow berkata, Pulau Pinang memerlukan Empangan Mengkuang beroperasi sepenuhnya dan selamat bagi memenuhi keperluan bekalan air penduduk melepasi tahun 2020.

"Selepas semua kerja selesai, ia akan dapat memastikan tiada lagi catuan air di Pulau Pinang dan empangan itu juga akan berfungsi sebagai kawasan rekreasi mesra rakyat," katanya.

Sementara itu, Jaseni juga mengumumkan PBAPP telah menerima dua anugerah peringkat kebangsaan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA) yang disampaikan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar di Putrajaya semalam.

Beliau berkata anugerah tersebut Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018 "Loji Rawatan Air Terbaik" untuk loji rawatan air Sungai Dua dan Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018.

"Sebagai penerima Anugerah Air untuk Pengurusan 2018, saya ingin mendedikasikan penghargaan kepada seluruh pasukan PBAPP yang telah bekerja keras dan sebaiknya untuk menjadikan PBAPP sebuah organisasi terkemuka dalam bekalan air," katanya.

-- BERNAMA